

KELUARAN  
**KHAS****PENDIDIKAN & LATIHAN**Oleh Hamidah Badiran  
hamidah@hmetro.com.my

# Cikgu Joinin dan AeU

**■ Cekal hadapi cabaran ikuti pengajian ijazah dari kawasan pedalaman**

**R**intangan yang menanti mereka yang ingin berjaya sukar dijangka. Apatah lagi bagi guru di kawasan pedalaman yang menyambung pengajian dan perlu berdepan dengan rintangan geografi yang sangat rumit.

Tidak seperti rakan mereka yang tinggal di kawasan bandar, kumpulan guru yang mengajar di kawasan terpencil perlu merentasi bentuk muka bumi mencabar untuk menghadiri kelas pembelajaran, memperoleh akses kepada jalur lebar mahupun untuk menyertai aktiviti luar.

Namun, semua itu bukan penghalang kepada guru di kawasan terpencil untuk merealisasikan impian memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan, inisiatif Kementerian Pendidikan dalam usaha mempertingkatkan kelayakan dan kemahiran guru.

Kota Marudu di Sabah antara daerah yang menyaksikan pengorbanan guru dalam memperkasakan pendidikan.



**JOININ menunda motosikal ke atas rakit untuk menyeberangi sungai ketika dalam perjalanan ke Pusat Pembelajaran AeU.**

Cikgu Joinin Jabil sebagai contoh bukan saja menjalankan tugas hakiki sebagai guru, malah berperanan sebagai Penolong Kanan (Hal Ehwal Pelajar) di Sekolah Kebangsaan Magandai.

Bagi memastikan beliau dapat menyiapkan tugas dan memperoleh maklumat terkini mengenai program

yang sedang diikuti, bapa kepada empat anak ini tekad hadir ke Pusat Pembelajaran Asia e University (AeU) di Kota Marudu setiap kali kelas tutorial diadakan walaupun perlu menempuh perjalanan yang panjang.

“Kebiasaannya, saya ke kelas menggunakan motosikal atau kenderaan pacuan em-

pat roda dari Magandai ke Tandek yang mengambil masa antara empat hingga enam jam jika cuaca mengizinkan. Tetapi kalau cuaca buruk, ia akan mengambil masa lebih dari itu,” katanya.

Pada musim hujan, laluan sedia ada yang sememangnya tidak berturap akan menjadi lebih mencabar. Laluan ber-

“Kaedah pembelajaran teradun adalah sangat praktikal kerana ia memberi pelajar ruang peribadi”

*Joinin Jabil*

lumpur menyukarkan perjalanan bagi penunggang motosikal seperti Joinin.

Jika memilih menyewa pacuan empat roda, beliau perlu menyediakan peruntukan yang besar iaitu sekitar RM950 bagi setiap perjalanan. Sebagai pilihan paling ekonomi, Joinin kerap memilih untuk meneruskan perjalanan dengan berjalan kaki sehingga lapan jam lamanya.

“Saya bukan saja perlu melalui denai yang sejuk pada musim hujan, malah

sering berselisih dengan haiwan yang mampu mengancam keselamatan,” katanya.

Cikgu Joinin yang kini berada di tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu), sedia berkongsi pengalaman menarik beliau sepanjang bersama AeU dan terus bersemangat memburu Ijazah yang diimpikan.

“AeU memperkenalkan saya kepada kaedah pembelajaran teradun. Kami belajar melalui pelbagai kaedah seperti pembelajaran bersemuka, perbincangan dalam talian dan kaedah pembelajaran baru yang lebih mudah dan fleksibel.

“Saya berpendapat kaedah pembelajaran teradun sangat praktikal kerana ia memberi pelajar ruang peribadi kerana sesi pembelajaran adalah fleksibel mengikut waktu dan kesesuaian pelajar,” katanya.